Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

ZARINAH BINTI ABU YAZID
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
atas penemuan artikel prosiding berindeks Scopus
The impact of education level, gender and age difference on internet use among employees during the movement control order (MCO) in Malaysia

ZARINAH ABU YAZID
DR SUHADA MOHD AMIN
NORHAFFA MD TAIB
HAZALINDA HARUN

Nota: daripada
Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
atas penemuan artikel prosiding berindeks Scopus
Panic buying during Covid-19 in Malaysia

PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
AMIA LUTIFIA
ROSANAWATI BINTI SULTAN MOHAMED
SITI NURSHAHIDAH BINTI SAI ALLAM
DR NORDIN @ ABDUL KADIM ZAMRI
ARIF ZULKARNAIN
PROF TY DR SHAFFINAZ BINTI ISMAIL
AHMAD FAZAL BINTI RAMLAN
ARYANTI WARDAYA PUSPOKUSUMO

Nota: daripada
Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

ILYA YASNORIZAH BINTI ILYAS
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
atas penemuan artikel prosiding berindeks Scopus
Perception and satisfaction of delivery services in Malaysia during movement control order

ILYA YASNORIZAH BINTI ILYAS
PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
ROSANAWATI BINTI SULTAN MOHAMED
MOHD HALEEM BIN MAHMOUD

Nota: daripada
Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

SITI NURSHAHIDAH BINTI SAI ALLAM
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
atas penemuan artikel prosiding berindeks Scopus
The effect of new online learning readiness on perceived confidence of open distance learning implementation during Covid-19 outbreak

SITI NURSHAHIDAH BINTI SAI ALLAM
DR MOHD SUFIAN BIN HASAN
PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
FATIMAH YAZMIN BINTI HAJI YANZA
SHAFIZAH BINTI ABDUL WADUD
HAFIDAH BINTI MOHD ISHAN

Nota: daripada
Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
atas penemuan artikel prosiding berindeks Scopus
The effectiveness of television in creating awareness towards movement control order (MCO) during Covid-19

PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
AMIA LUTIFIA
ROSANAWATI BINTI SULTAN MOHAMED
SITI NURSHAHIDAH BINTI SAI ALLAM
DR NORDIN @ ABDUL KADIM ZAMRI
ARIF ZULKARNAIN
PROF TY DR SHAFFINAZ BINTI ISMAIL
PROF MADYA DR MUHAMMAD HAKIMI TEW ABDULLAH
ARYANTI WARDAYA PUSPOKUSUMO

Nota: daripada
Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

DR MOHD FAZAL BIN P. RAMELI
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
atas penemuan artikel prosiding berindeks Scopus
Applying Islamic marketing ethics in marketing digitalization during the COVID-19 MCO period in Malaysia: A guide to small-scale Microbusiness

DR MOHD FAZAL BIN P. RAMELI
DR SUHADA MOHD AMIN
NORSHAH BINTI MOHAMMED @ HAJI DAUD
NOR AFIFA BINTI NORDIN

Nota: daripada
Bakker, Pengurusan Eksklusif & Wangsa
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

MUHAMMAD TAUFIK BIN MD SHARIPP
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

Applying the Islamic marketing ethics among small scale business Muslimpreneurs during Covid19 MCO: A comparison among types of social network system (SNS)

MUHAMMAD TAUFIK BIN MD SHARIPP
DR MOHD FAUZI BIN P. KAMELI
KOTEL, QUTUB BIN ABDUL RAZAK
NOORFAZREEN BINTI MOHD ARIS
NOR AFIFA BINTI NORDIN

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

NOR ADINA BINTI ABDUL KADIR
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

Merging Covid-19 information in 4.0 online digital media: Issues and challenges in Malaysia

NOR ADINA BINTI ABDUL KADIR
MOHAMMAD SHAHEZ BIN AYUB
PROF MADYA DR S. SALAHUDIN BIN SUYURNO
NURSYAFIQAH BINTI ZABIDIN
KAMAR BINTI MD SHAH

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

PROF MADYA DR S. SALAHUDIN BIN SUYURNO
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

New media and Islamic popular culture: Challenges in maintaining morals in communication

PROF MADYA DR S. SALAHUDIN BIN SUYURNO
ANIR FAZZAH BINTI SAMAN
PROF MADYA DR ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
MOHAMMAD SHAHEZ BIN AYUB
NOR ADINA BINTI ABDUL KADIR
MUHAMMAD TAUFIK BIN MD SHARIPP

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

NIK ROZILANI BINTI WAN MOHAMED
Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

Literature review on technology acceptance model: The enhanced variables of Venkatesh's UTAUT model on students' acceptance of use on online distance learning

NIK ROZILANI BINTI WAN MOHAMED
DR SYAZLIN BIN SHAFI
DR MOHD NADZIR BIN MUHYIDDIN

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

NOR AFIFA NORDIN
Akademi Pengajian Bahasa
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

All eyes on me? University students' speaking anxiety in relation to gender

NOR AFIFA BINTI NORDIN
NURUL FATMAH BINTI DELLAH
FARAH HANA BINTI AMAMAH
NURSYAFIQAH BINTI ZABIDIN
MOHD AMIRUL BIN ATAN

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

NURSYAFIQAH BINTI ZABIDIN
Akademi Pengajian Bahasa
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

From the King's Speech to the classroom: Tertiary students' speaking anxiety and language proficiency

NURSYAFIQAH BINTI ZABIDIN
MOHD AMIRUL BIN ATAN
NURUL FATMAH BINTI DELLAH
NOR AFIFA BINTI NORDIN
FARAH HANA BINTI AMAMAH

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

DR AMERUEL AZWAN BIN AB AZIZ
Akademi Pengajian Bahasa
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

English lecturers' self-efficacy beliefs in open and distance learning (ODL): Substantive implications

DR AMERUEL AZWAN BIN AB AZIZ
NUR AGILAH BINTI NORDIN
NOR AFIFA BINTI NORDIN
NURSYAFIQAH BINTI ZABIDIN
SUMAYYAH BINTI SHAHIDIN
SHEIKH SADIQUL HUSAM BIN JAMIL AZHAR
DR AZLAN BIN ABDUL AZIZ

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings

Tahniah!

ducapkan kepada:

DR AMERUEL AZWAN BIN AB AZIZ
Akademi Pengajian Bahasa
atas penerbitan artikel prosiding berindeks Scopus

Learning about English language lecturers' resilience: Identification of stress and coping strategies of open and distance learning (ODL)

DR AMERUEL AZWAN BIN AB AZIZ
SUMAYYAH BINTI SHAHIDIN
NURSYAFIQAH BINTI ZABIDIN
NUR AGILAH BINTI NORDIN
NOR AFIFA BINTI NORDIN
SHEIKH SADIQUL HUSAM BIN JAMIL AZHAR
DR AZLAN BIN ABDUL AZIZ

Ikhtis daripada:
Rektor, Pengurusan Ekeskuff & Warga
UiTM Cawangan Melaka

AIP Conference Proceedings
Scopus Proceedings



Pelantikan Baharu Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka

Selinggi-tinggi
Tahniah

YBHG. PROF. Ts. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

atas pelantikan sebagai

NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

berkuatkuasa
9 Ogos 2021

Ikhlas daripada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Depan

THE Quality Standard Award 2019

UiTM Melaka

UiTM Cawangan Melaka | Facebook
melaka@uitm.org.my
@uitmmelaka
uitmmelaka



Tahniah

**YBHG. PROF. Ts.
DR. NOR HAYATI SAAD**

atas pelantikan sebagai
Penolong Naib Canselor (Strategi)
Universiti Teknologi MARA

Daripada
**Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi
dan Seluruh Warga UiTM**

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



ARTIKEL/MEDIA

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka



PELAJAR universiti perlu bijak mengurus masa mereka. - GAMBAR HIASAN

Salahkan diri sendiri, bukan pensyarah

SAUDARA PENGARANG,

TERASA begitu bangga ketika mendengar lagu-lagu patriotik dimainkan sempena Hari Kebangsaan. Apatah lagi tatkala kita masih berdepan pandemik Covid-19 dengan keadaan sekeliling masih terbatas dan pelbagai sekatan pergerakan.

Pun begitu, ia tidak sedikit pun mematahkan semangat patriotik rakyat untuk menyambut bulan kemerdekaan walaupun sambutan kali ini dalam norma baharu, biarlah. Yang penting kita sambut dengan bersemangat!

Sejak kebelakangan ini, sering kali dapat kita saksikan isu mahasiswa tertekan dengan beban kerja kursus atau tugas yang berlambak. Umum mengetahui terdapat segelintir warganet yang menyalahkan pensyarah sebagai punca masalah itu berlaku.

Kata-kata nista yang menghentam pensyarah juga dihamburkan. Saya yakin ramai pensyarah berasa terluka.

Saya tidak berniat untuk mencari salah sesiapa. Terdetik dalam hati, adakah benar mahasiswa begitu tertekan dengan lambakan tugas atau mungkin tersilap percaturan mengurus masa dan tenaga?

Adakah silap suka menyiapkan tugas pada saat akhir sebenarnya yang menyebabkan mahasiswa berasa terbeban? Sesungguhnya, pengurusan masa dan tenaga sangat perlu dititikberatkan supaya tekanan yang dirasai mahasiswa boleh dikawal selia dengan baik.

Tekanan jika dilihat dari sisi positif sebenarnya memainkan peranan penting untuk mendorong individu melaksanakan tugas yang diberikan.

Apa pun jalan yang dipilih oleh individu terbabit, terpujang. Sama ada untuk memanipulasikan tekanan supaya pelaksanaan tugas mencapai tahap biasa-biasa sahaja atau luar daripada kebiasaan. Timbal balik, kedua-dua pihak, pensyarah mahupun mahasiswa perlu bertolak ansur.

Begitu banyak cerita dan coretan yang boleh membangkitkan semangat memerdekakan diri mahasiswa dari takuk lama.

**NURUL ZAMRATUL ASYIKIN AHMAD
dan ROSZI NASZARIAH NASNI NASERI**
UiTM Melaka Kampus Alor Gajah

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
02 September 2021

Sumber Artikel : Nurul Zamratul Asyikin
Ahmad dan Roszi Naszariah Nasni Naseri
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM

Pemindahan teknologi perkasakan produk hiliran hasil laut



Oleh Nik Hafizah Nik Ubaidillah dan
Saida Farhanah Sarkam
bhrencana@bh.com.my

Industri perikanan di Malaysia berupaya menghasilkan pengeluaran 1.85 juta tan setahun termasuk perikanan tangkapan, akuakultur dan perikanan darat dengan anggaran nilai RM14.5 bilion.

Namun, bilangan nelayan semakin menyusut saban tahun daripada 97,153 orang pada 2013 kepada 60,500 pada 2018. Malah, bilangan nelayan aktif semakin merosot pada 2020 dengan 55,968.

Ini menunjukkan pengurangan sangat ketara, iaitu 42 peratus antara 2013 hingga 2020. Malah, jumlah nilai penangkapan ikan berkurangan daripada RM1.13 juta tan pada 2020 berbanding RM10.098 juta pada 2019.

Sejak tidak langsung menunjukkan pendapatan nelayan dan usahawan hasil laut berkurangan sepanjang era pandemik.

Nelayan bergantung sepenuhnya kepada penangkapan hasil laut untuk menjana pendapatan harian. Selain nelayan, aktiviti itu juga punca pencarian kepada usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mengusahakan produk hasil laut.

Kebanyakan mereka diklasifikasikan golongan B40 dalam kategori B1 mempunyai hasil pendapatan kurang RM2,500 sebulan.

Sejak hujung 2019, dunia diketuk dengan virus yang mencetuskan pandemik global. Malaysia antara terkenas dengan bermula 19 Mac 2020, kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pelbagai pihak terkenas dengan arahan ini, termasuklah pengiat industri perikanan, iaitu nelayan dan usahawan PKS.

Walaupun aktiviti perikanan dibenarkan sepanjang tempoh PKP kerana dikategorikan bawah perkhidmatan perlu, kelancaran rantaian bekalan terganggu. Ia termasuk pada peringkat pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil laut yang juga nadi serta sumber makanan utama negara.

Hasil laut segar tidak boleh dijual secara terbuka berikutan penutupan pasar besar, penghantaran hasil laut segar pula terhalang kepada kawasan berdekatan. Terdapat juga lambakan hasil laut yang tidak terjual.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjalankan beberapa inisiatif antaranya pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST) di 196 lokasi terpilih serta melancarkan pemasaran dan perniagaan dalam talian dengan kerjasama Shopee, Lazada, MyGrocer, Ourshop/Ourfarm Airasia, Dropee dan sebagainya.

Kerajaan juga memberi elan sara hidup RM500 kepada nelayan secara bulanan dan caruam skim manfaat perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Semua usaha ini boleh menyelesaikan masalah lambakan hasil laut pada jangka masa pendek. Namun, inisiatif jangka panjang perlu untuk meletakkan pendapatan nelayan dan usahawan B40 ini.

Antara boleh dijalankan ialah pemerkasaan industri hiliran hasil laut. Pemprosesan hiliran didefinisikan sebagai proses pasca penghasilan untuk menambah nilai sesuatu sumber bahan mentah.

Aktiviti pemprosesan dan pemasaran produk hiliran hasil laut antara inisiatif untuk memjana pendapatan nelayan dan usahawan secara lestari. Penerimaan pendapatan ini boleh berterusan sepanjang tahun dan tidak terjejas dengan waktu pandemik.

Aktiviti ini boleh diperkasakan lagi menerusi pembangunan dan pemindahan teknologi daripada institusi penyelidikan awam. Antara yang giat menjalankan penyelidikan ialah Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan ia juga agensi penyelidikan utama dalam industri agromakanan negara.

Sejak lima dekad lalu, MARDI yang ditubuhkan 1969, membangunkan lebih 100 teknologi dalam industri pemprosesan produk hiliran hasil laut.

Antaranya, pembangunan produk surimi, produk otoshimi, produk dalam tin, produk peraman dan produk salai. Malah teknologi terbaru dibangunkan MARDI antara 2019 hingga 2021 adalah teknologi keropok lekor lembut, teknologi keropok keping segi empat, teknologi keropok lekor cendawan, teknologi sup ikan cendawan, teknologi lof surimi berdagang serta teknologi tauhu ikan patin.

Teknologi dibangunkan ini dipindahkan kepada usahawan sama ada melalui pemindahan teknologi gunaan awam atau teknologi pemkomersialan.

Selain membangunkan teknologi fizikal dan kaedah pemprosesan baharu produk hiliran hasil laut, MARDI membimbing dan menggalak usahawan untuk menggunakan ilmu dan kemahiran daripada teknologi dalam menjana pendapatan lebih tinggi.

Pemindahan teknologi baharu dijalankan menerusi latihan, khidmat nasihat dan pemantauan rapat pegawai penyelidikan. Antara projek MARDI yang memberi impak tinggi kepada nelayan dan usahawan adalah projek AZAM Tani atau Rizeki Tani dan Agropreneur Muda kepada golongan B40.

Sebagai contoh kejayaan program, sehingga 2018, sejumlah 87 peratus peserta AZAM Tani dapat keluar daripada golongan miskin tegar di Terengganu.

Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI, Dr Mohd Kamal Abdul Kadir, berkata MARDI menyasarkan 75 peratus teknologi dihasilkan adalah teknologi gunaan awam dan bakiya adalah teknologi pengkomersialan untuk mengoptimalkan pendapatan usahawan termasuklah petani, peternak dan nelayan.

Antara teknologi gunaan awam yang dibangunkan adalah bersifat teknologi tepat guna dengan kos yang minimum, termasuklah teknologi pemprosesan produk hiliran hasil laut.

Pemindahan teknologi MARDI menerusi pengaplikasian pemprosesan produk hiliran hasil laut dengan menggunakan prosedur standard, dapat meningkatkan taraf pendapatan nelayan dan usahawan.

Tambahan pula, prosedur standard dapat membantu meluaskan pasaran produk tempatan ke pasaran antarabangsa dengan penjaminan kualiti, termasuk penjaminan halal.

Oleh itu, nelayan dan usahawan perlu mengambil peluang mempertingkatkan pendapatan mereka dengan menggunakan pelbagai kemudahan disediakan kerajaan.

Oleh kerana industri pertanian dan perikanan tonggak penting menyumbang kepada ekonomi negara, kerajaan memberi tumpuan melalui pengubatan dasar dan insentif khusus kepada produk hiliran dalam industri ini.

Isi sejarah Dasar Sekuriti Makanan Negara, Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) 2.0, bahkan senada dengan aspirasi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Dalam jangka masa lebih panjang, semua dasar ini menyokong sub tema Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang dipaparkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu sifar kelaparan dan membasmi kemiskinan.



Pemindahan teknologi MARDI menerusi pengaplikasian pemprosesan produk hiliran hasil laut dengan menggunakan prosedur standard, dapat meningkatkan taraf pendapatan nelayan dan usahawan.

Artikel Akhbar - Berita Harian
03 September 2021

Sumber Artikel : Saida Farhanah Sarkam
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM dan
Nik Hafizah Nik Ubaidillah
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
Malaysia (MARDI), Kuala Terengganu

Bantu tingkat pendidikan rakyat Afghanistan



Penyarah Kanan,
Akademi Pengajian
Islam Kontemporari,
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Melaka

Ofen Dr Asma' Wardah Surtahman
bhorcanas@bh.com.my

Sejak Taliban menguasai kembali pentadbiran di Afghanistan pada perengsan bulan lalu, banyak laporan media dan analisis menyorot isu sosio-politik di negara itu sama ada dari perspektif positif atau negatif.

Secara keselarasan, Malaysia sebagai antara terkehadapan dalam misi bantuan kemanusiaan ke negara seperti Palestin, Syria dan Lubnan pernah mengemukakan misi perubahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Afghanistan buat kali pertama pada 2010.

Oleh itu, masyarakat tentu menantikan reaksi atau tindakan akan dilaksanakan kerajaan Malaysia terhadap pendudukan kerajaan interim Afghanistan di bawah pentadbiran Taliban.

Dari segi kemanusiaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tanah air Global Peace Mission (GPM) memberikan komitmen awal bantuan kemanusiaan dengan melancarkan Tabung Peduli Afghanistan untuk maknanya dan perlindungan rakyat negara itu, belum lagi. Selayaknya sejajar mara signifikan Malaysia dalam

memberi bantuan kepada Afghanistan?

Memenuhi prinsip dasar luar Malaysia, negara sentiasa memperjuangkan hak setiap negara menyelesaikan masalah dalamannya tanpa campur tangan pihak luar.

Bagaimanapun, ia tidak menyekat peranan negara dalam mengemukakan pandangan pemidahan dari sudut politik dan pentadbiran, ekonomi, sosial serta agama yang boleh disalurkan melalui Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) misalnya.

Penerangan mengenai situasi di Afghanistan perlu digelarkan kepada masyarakat dunia memandangkan prinsip kerajaan Taliban kali ini berdasarkan kenyataan pemimpinnya adalah berbeza daripada dahulu.

Pada masa sama, Malaysia boleh berperanan 'sebaik dan insubang' bagi pelestarian Afghanistan.

Diakui dengan kembalinya Taliban menguasai Afghanistan, menimbulkan kekhawatiran pelbagai pihak, terutama mengenai pendidikan dalam kalangan wanita. Ini turut mendorong burucakap Taliban, Zabihullah Mujahid, memberikan jaminan golongan wanita akan diberikan ruang pendidikan dan pekerjaan.

Ini pendidikan ini turut mendapat maklum balas Presiden Majlis Pimpinan Politik Wanita Malaysia (COSWELA), Jariah Zuraida Kamaruddin yang menegaskan Malaysia mampu menyebarkan idea, pan-

dan dan bantuan bagi memajukan wanita serta kakitangan tidak terpengaruh, sekali gus tertinggal jauh daripada aras pembangunan Afghanistan.

Penegasan itu diberikan ketika pertemuan bersama Duta Afghanistan ke Malaysia, Dr Mohib Rahnman Spinger, 25 Ogos lalu.

Beliau memaklumkan kadar literasi wanita di Afghanistan hanya 20.41 peratus pada 2018, manakala tahap penyertaan tenaga buruh untuk wanita 23 peratus pada 2019 sedangkan populasi wanita di negara itu kira-kira 19.5 juta (48.3 peratus).

Ibu pendidikan ini turut ditengokkan Ketua Jabatan Sejarah dan Tansadun Islam di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia (UM), Prof Dr Mohd Ruslan Mohd Noor, menerusi webinar 'Taliban: Kelahiran dan Masa Depan Afghanistan' anjuran Lajnah Sejarah dan Tansadun Islam, baru-baru ini.

Menurutnya, kerajaan boleh membantu pemula Afghanistan dalam pendidikan dengan membuka ruang pembelajaran di institusi pendidikan di negara ini terutama institusi pengajian tinggi (IPT).

Ia sebagai langkah awal dengan membuka perkamparan muda untuk belajar di sini. Di samping berlaku kerjasama antara IPT Afghanistan dengan Malaysia sama ada berbentuk perkongsian dan perbincangan mengenai program pendidikan, latihan serta hala tuju pembangunan pendidikan kedua-dua negara.

Artikel Akhbar - Berita Harian
03 September 2021

Sumber Artikel : Dr.Asma' Wardah Surtahman
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCM

Pembukaan Langkawi penanda aras pulihkan sektor pelancongan



Oleh Ahmad Khairuman Md Hasim dan Akmal Adanan
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
Hotel & Pelancongan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM) Melaka

Pembukaan sektor pelancongan dengan Pulau Langkawi sebagai projek rintis program gelembung perjalanan sangat penting dalam menghidupkan semula industri pelancongan negara. Inisiatif bermula 16 September ini, bakal memberi nafas baharu kepada pengusaha pelancongan di pulau itu. Pemilihan Pulau Langkawi itu berdasarkan faktor lebih 80 peratus penduduk sudah divaksin dan hanya menerima pelancong lengkap vaksinasi.

Pulau Langkawi ialah destinasi 'terasing', tetapi mempunyai rangkaian perhubungan serantau dan antarabangsa serta mempunyai kepelbagaian kemudahan penginapan bagi pelbagai lapisan segmen pelancong hingga memudahkan urusan pemantauan.

Langkah ini seiring Pelan Pemulihan Pelancongan dimulakan sejak tahun lalu bertujuan mengembalikan keyakinan orang awam untuk melancong dan merencanakan semula pelancongan domestik dengan penawaran pakej menarik.

Ia juga bertujuan meningkatkan standard dan kualiti perkhidmatan serta produk pelancongan dan kebudayaan, sekali gus meningkatkan penggunaan teknologi, memperkukuhkan kerjasama awam-swasta serta inisiatif *reskilling* dan *upskilling*.

Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Nancy Shukri turut memberi keyakinan pembukaan pelancongan domestik di bawah program gelembung perjalanan berperingkat

ini memberi harapan positif kepada industri itu. Keputusan ini dilihat antara langkah positif kepada pengusaha pelancongan, seterusnya tenaga kerja industri ini yang terpaksa diberhentikan atau dicutikan majikan mereka sebelum ini.

Usaha ini bagaimanapun menjadi cabaran kepada pengusaha untuk memastikan langkah sepatutnya diambil sebagai persediaan pembukaan semula sektor ini.

Langkah pertama, adalah dengan melihat perubahan struktur dan kapasiti perniagaan mereka berdasarkan tenaga kerja mampu diambil.

Kekangan kewangan bagi membuka semula operasi perniagaan mengikut syarat ditetapkan juga menjadi cabaran utama dalam mengimbas penawaran perkhidmatan dan keupayaan tenaga kerja diperlukan.

Perhatian serius juga perlu diberikan kepada pengurusan risiko di setiap destinasi dan premis pelancongan untuk memastikan operasi industri pelancongan selamat dijalankan.



Pembukaan Langkawi mulai 16 September ini beri harapan baharu sektor pelancongan negara. (Foto hiasan)

Setiap pengusaha hendaklah menjalankan kerjasama rapat dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Kesihatan (KKM), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan bagi memastikan aktiviti pelancongan bakal beroperasi mengikut syarat dan prosedur operasi standard (SOP) ketat.

Kesediaan dan pengetahuan tenaga kerja dalam syarat dan SOP gelembung perjalanan, terutama pada peringkat pengoperasian juga perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan sewajarnya.

Majikan perlu memberikan pemahaman, latihan dan skop kerja jelas kepada semua pekerja untuk memastikan tiada pelanggaran SOP dibuat.

Seterusnya, faktor harga perlu diteliti penguji sektor pelancongan ini. Penawaran dan permintaan harus diberi perhatian, terutama dalam keadaan ekonomi masih tidak kukuh.

Sebagai sektor berteraskan pendapatan boleh belanjawan (*disposable income*), pilihan untuk melancong, terutama dalam keadaan sekarang pasti akan ditentukan berdasarkan kos dan harga perlu dibelanjakan.

Justeru, kerjasama dan sokongan semua amat penting untuk memastikan aktiviti pelancongan dapat dihidupkan semula.

Projek rintis program gelembung perjalanan di Pulau Langkawi ini diharap menjadi titik permulaan dalam menyokong perniagaan berkaitan sektor pelancongan, menyesuaikan diri dengan norma baharu dan kelangsungan penjanaan ekonomi.

Pengusaha sektor pelancongan seluruh negara perlu sentiasa bersedia dengan inisiatif dan langkah perlu apabila sektor ini dibuka bila-bila masa.

Jaminan keselamatan kepada pelancong dan penggerak industri terbahagi dalam projek rintis ini amat penting sebagai kayu pengukur serta memberikan keyakinan pembukaan destinasi pelancongan lain pada masa hadapan.

Artikel Akhbar - Berita Harian

04 September 2021

Sumber Artikel : Ahmad Khairuman Md Hasim dan
Akmal Adanan
Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan,
UiTMCM

Wujud saluran TV islamik untuk kanak-kanak, remaja

SAUDARA PENGARANG,

PEJANI cetek sudah hampir 12 tahun penebusan stesen televisyen islamik pertama di Malaysia, TV AIN (jauh yang menjadikan golongan muda di bawah 40 tahun sebagai kumpulan sasaran. Pendekatan yang ditiru oleh stesen televisyen tersebut terbukti berjaya menarik hati ramai penonton yang dahagakan rancangan-rancangan berteraskan Islam.

Kata-kata Islam itu indah, begitu sinonim dalam kehidupan masyarakat kita. Oleh itu, sudah tiba masanya diwujudkan saluran televisyen islamik untuk kanak-kanak dan remaja.

Saluran televisyen tersebut boleh menjadi ganti setelah ramai kanak-kanak dan remaja terhalang untuk menghadiri kelas agama secara bersemuka berikutan situasi pandemik Covid-19 yang belum reda.

Peranan yang boleh dimainkan setiap anggota masyarakat adalah menyediakan bahan-bahan untuk siaran televisyen berkenaan yang berteraskan nilai-nilai murni berpelembutan kepada al-Quran dan hadis.

Dalam pada itu, sepanjang musim pandemik, didapati tiada satu pun rancangan pertandingan bacaan al-Quran mahupun hafazan ala-ala rancangan popular Ceria Pipi Star dan sebagainya dianjurkan sungguhpun program sedemikian boleh dijalankan secara dalam talian.

Situasi beginilah yang menyebabkan kita merasakan perlu diwujudkan saluran alternatif islamik dan rancangan bercorak keagamaan untuk kanak-kanak dan remaja.

Mereka perlu dididik seawal usia muda sebelum terlanjut kerana apabila mereka mencelah usia tua, ketika itu ibarat nasi sudah menjadi bubur. Golongan tua lebih sukar dididik kerana mereka tidak mudah dipengaruhi.

Dalam pada itu, satu ini yang mahu dibangkitkan adalah tindakan stesen televisyen berbayar mahupun tidak berbayar yang menyebarkan rancangan kartun dari luar

negara yang banyak memaparkan dunia fantasi.

Ini puni rancangan kartun yang dibawa dari luar negara tidak seiring dengan ajaran al-Quran dan hadis.

Syabas dan tahniah kepada penerbit rancangan kartun di Malaysia seperti Omar dan Hana, Ummei Ceritanya Pada Kami dan Kisah Himpunan Al-Quran. Tidak lupa juga rancangan dari negara jiran, Indonesia seperti Nussa.

Usaha mereka dilihat sangat murni dan jelas untuk membimbing kanak-kanak mendekati ajaran Islam sebenar. Malah, idea-idea segar dalam pendekatan mereka memang mirip dengan cara hidup masyarakat Islam serumpun.

Rancangan kartun seperti Upin dan Ipin juga tidak kurang hebatnya memaparkan nilai-nilai islamik malah sangat dekat di hati kanak-kanak Malaysia dan negara-negara jiran terdekat.

Tidak sekadar mengambil contoh rancangan kartun, malahan drama bercorak islamik seperti Solam Squad dan yang terkini Jari Solehah dilihat begitu mudah untuk difahami dan lakon layarnya juga menepati ajaran Islam itu sendiri.

Jika saluran televisyen islamik untuk kanak-kanak dan remaja menjadi kenyataan, taungan akan dan iktinat untuk setiap solat lima waktu boleh ditambah dengan solat sunat seperti duha, tahajjud dan gerhana yang dimamikan kanak-kanak atau remaja secara saran lintas langsung.

Kadang pembelajaran agama yang terbaik mungkin boleh diperoleh melalui kelas-kelas di masjid, madrasah dan majlis ilmu lain.

Namun, sudah tiba masanya kita "memediasikan" televisyen sebagai satu cara pembelajaran bagi kanak-kanak dan remaja di negara ini.

**NURUL ZAMRATUL ASYIKIN AHMAD dan
ROSZI NASZARIAH NASNI NASERI**
UiTM Melaka Kampus Alor Gajah



SYABAS kepada penerbit rancangan kartun, Omar dan Hana kerana berusaha membimbing kanak-kanak mendekati ajaran Islam sebenar.

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
04 September 2021

Sumber Artikel : Nurul Zamratul Asyikin Ahmad
dan Roszi Naszariah Nasni Naseri
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM

Perhalusi keputusan beralih ke fasa endemik



Oleh Dr Muhammad Syukri Abdullah
dan Dr Shafinar Ismail
bhrencana@bh.com.my



Muhamad Syukri adalah Koordinator Penyelidikan dan Inovasi di Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, manakala Shafinar adalah Profesor di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Melaka

Pandemik COVID-19 menghantui penduduk dunia untuk tempoh lama dan Malaysia sehingga kini merekodkan lebih 1.8 juta kes positif dan lebih 18,000 kematian.

Polbagi langkah diambil kerajaan untuk membendung penularan, termasuk pengumuman Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai panduan peralihan keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa.

Ia membolehkan rakyat membuat perancangan sejajar langkah kerajaan melawan COVID-19 dan memulihkan negara. Beberapa negeri kini sudah pun beralih ke fasa dua dan tiga PPN dengan beberapa sektor ekonomi mula beroperasi.

Terkini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumumkan negara dijangka memasuki fasa endemik COVID-19 pada penghujung Oktober, selepas 60 peratus penduduk menerima dos lengkap vaksin.

Bersediakah kita untuk 'hidup' bersama virus yang meragut lebih 18,000 nyawa di negara ini?

Endemik ditakrifkan sebagai kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat tinggal, namun orang ramai sudah menyesuaikan diri dan belajar hidup dengannya. Penyakit ini dijangka sentiasa ada, namun pada kadar stabil dan rendah.

Beberapa pakar kesihatan menyifatkan apabila COVID-19 mencapai tahap endemik, tidak bererti virus terbahit semakin lemah, namun manusia semakin kuat menentangnya kerana sistem imun kita lebih kebal dengan pengambilan vaksin dibekalkan.

Namun, kenyataan Doktor Keluarga dan Pengarah Banyan Clinic, Dr Eily Sabrina Ismail perlu diambil kira bahawa terdapat kemungkinan untuk virus merebak di luar jangkaan serta menjadi endemik jika tidak dikawal.

Justeru, usaha pemberian vaksin kepada seluruh rakyat perlu terus diperhebatkan bagi memperku-



Usaha pemberian vaksin kepada rakyat perlu diperhebat sebagai persediaan memasuki fasa endemik. (Foto: bhasan)

kuh sistem daya tahan badan daripada dijangkiti COVID-19.

Saluran maklumat juga perlu diperkasa, selain membantu memberikan bantuan berbentuk kewangan kepada rakyat bagi melawan serta mencegah penularan COVID-19 ini ketika fasa endemik.

Kerajaan juga harus mempelajari modus operandi daripada negara luar untuk melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi fasa endemik.

Perlu diingat, beberapa negara sudah mengambil pendekatan melonggarkan terus SOP, namun selepas wujudnya varian baharu mereka terpaksa memperkatakan semula serta menetapkan kembali SOP terbahit.

Justeru, kerajaan perlu memandang serius hal ini sebelum fasa endemik bermula pada penghujung Oktober nanti.

Rakyat juga perlu terus berjaga-jaga termasuk mematuhi tiga SOP utama ditetapkan iaitu penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan kerap membasuh tangan.

Penguatkuasaan pemakaian pelitup muka dalam kalangan rakyat di tempat sesak serta lokasi tertutup perlu diteruskan, memandangkan virus ini belum lagi lenyap sepenuhnya di muka bumi ini.

Tuntasiya, COVID-19 memberikan impak cukup besar terhadap pertumbuhan global, terutama disebabkan oleh kepupusan pandemik ini yang mengugat dan menguar-kacirkan kemajuan pembangunan yang merentasi aspek sosial, perniagaan dan ekonomi.

Di harap sebelum peralihan ke fasa endemik nanti, kerajaan memperhalusi setiap keputusan dibuat supaya dapat memberikan manfaat kepada rakyat yang mendambakan kehidupan normal dalam norma baharu.

Artikel Akhbar - Berita Harian

07 September 2021

Sumber Artikel : Dr.Muhammad Syukri Abdullah
dan Profesor Ts. Dr.Shafinar Ismail
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTMCM



PLATFORM perniagaan dalam talian seperti Shopee boleh dijadikan rujukan oleh pihak-pihak yang mahu mempraktikkan nilai etika perniagaan yang tinggi.
- GAMBAR HIASAN

Sisi gelap sektor peruncitan digital

SAUDARA PENGARANG,

TIDAK dinafikan telefon pintar sememangnya mengubah cara kita menjalankan perniagaan ketika situasi pandemik Covid-19.

Terdapat pelbagai aplikasi perkhidmatan penghantaran yang boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar oleh sesiapa sahaja.

Aplikasi ini memudahkan kita untuk membeli makanan atau barangan secara dalam talian dan membuat pembayaran. Tambahan pula, aplikasi ini memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak dari segi penjimatan masa dan tenaga.

Sektor peruncitan digital dilihat semakin rancak apabila ramai peniaga mula mengorak langkah dengan menyediakan perkhidmatan penghantaran barangan peruncitan dalam talian.

Jika dilihat situasi terkini, negara kita menghadapi permintaan luar biasa untuk jualan dalam talian. Bukan sekadar itu, terdapat syarikat yang terpaksa menangguhkan penghantaran kerana permintaan melebihi kemampuan operasi.

Selain aplikasi perkhidmatan penghantaran, masih ramai peruncit dan petani yang dilihat lebih gemar menggunakan platform seperti WhatsApp kerana lebih murah dan mudah untuk diselenggara.

Namun, isu penggunaan platform yang kurang menitikberatkan keselamatan antara peniaga dan pelanggan ini perlu kita kupas.

Ramai warganet mengadu bayaran sudah dibuat tetapi barang tidak kunjung tiba walau setelah sekian lama menunggu.

Penjual barang tersebut rupanya menghilang begitu sahaja. Duit lesap, badan merana, harapan hancur. Malah, lebih menyedihkan ada juga yang menerima bungkusan kiriman berisi batu-bata dan pasir.

Banyak penipuan jualan secara dalam talian sukar dibendung kerana para penipu ini bijak menggunakan strategi yang mengaburi mata pelanggan.

Dalam pada itu, masalah lain melibatkan perniagaan dalam talian adalah sebilangan besar peniaga makanan dan minuman berasa

sukar untuk mempertahankan perniagaan dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi penghantaran makanan kerana komisen yang dikenakan terlalu tinggi.

Oleh itu, sudah tiba masanya pihak-pihak yang terlibat dalam industri peruncitan mengadakan perbincangan bagi menambah baik perkhidmatan dalam platform sedia ada. Matlamatnya untuk memastikan semua pihak memperoleh keuntungan secara adil.

Jadikan platform dalam talian yang popular dan berjaya di Malaysia seperti Shopee dan Lazada sebagai rujukan.

Bukan sahaja memiliki pelanggan dan pengguna dalam kuantiti yang besar, malah mereka sememangnya mempraktikkan nilai etika perniagaan tinggi. Itulah apa patut kita pelajari.

Misalnya, Shopee memberi hak kepada pembeli untuk menerima atau memulangkan barangan dalam tempoh tiga hari selepas penghantaran.

Saya sendiri pernah mengalami masalah barangan yang dibeli tidak sampai ke tangan. Namun, pihak penghantaran menyatakan status 'sudah dihantar'. Maka sebagai pembeli, kita mempunyai hak untuk membuat bantahan agar penjual melakukan proses pemulangan wang.

Dalam kes sebegini, Shopee akan melantik satu pasukan khas dalam menyelesaikan kemelut ini. Nasib pembeli tersebut terbelah dengan pemulangan wang.

Malah, Shopee menambah baik dengan meminta pihak penghantaran mengambil gambar barangan yang dihantar di depan pintu rumah atau bangunan sebagai bukti. Kaedah itu dapat menyelesaikan banyak rungutan pelanggan.

Diharapkan pada masa depan, semua pihak yang terlibat dalam sektor peruncitan digital dapat memastikan mereka hanya berurusan melalui aplikasi atau platform yang mempunyai ciri-ciri keselamatan optimum.

NURUL ZAMRATUL ASYIKIN AHMAD & ROSZI NASZARIAH NASNI NASERI
UiTM Melaka Kampus Alor Gajah

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia

11 September 2021

Sumber Artikel : Nurul Zamratul Asyikin Ahmad dan
Roszi Naszariah Nasni Naseri
Fakulti Pengurusan Pemiagaan, UiTMCM

Kejayaan gelembung pelancongan 'tugas' pelancong



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
Hotel dan
Pelancongan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Melaka

Oleh Akmal Adanan
bhrencana@bh.com.my

Tarikh 16 September akan membuka lembaran harapan baharu sektor pelancongan kembali pulih selepas sekian lama terkesan susulan penutupan keseluruhan rangkaian akibat penularan COVID-19 sejak hampir dua tahun lalu.

Pelaksanaan ini selaras tiga fasa Pelan Pemulihan Pelancongan digariskan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Jelas sekali pengumuman pembukaan semula destinasi pelancongan negara yang pertama, iaitu Langkawi dengan prosedur operasi standard (SOP) khusus, memberi harapan positif bagaimana industri ini dapat kembali bangkit.

Namun, keputusan diumumkan berbeza pelaksanaan gelembung pelancongan bersasar Mac lalu. Kali ini, SOP lebih ketat di kenakan dengan mewajibkan pelancong menggunakan agensi pelancongan berdaftar serta menggunakan kenderaan diluluskan MOTAC sahaja.

Langkawi akan menjadi model rintisan gelembung pelancongan negara, manakala aktiviti pelancongan fasa dua di pulau lain dibuka hanya untuk rakyat di negeri dan kawasan itu sahaja.

Antara aktiviti gelembung pelancongan dibenarkan dalam pengumuman ini adalah penginapan hotel, inap desa, kolam renang, acara pelancongan dan kebudayaan, aktiviti pantai, taman rekreasi, akuarium, zoo, golf, berbasikal, memancing, pelayaran, eko geokembara, hasil seni dan budaya, taman tema, pusat hiburan keluarga dan lawatan akademik tertakluk SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Nasaruddin Abdul Mutalib, berkata hampir semua produk pelancongan di pulau itu dijangka dibuka kepada pelancong, tertakluk SOP ditentukan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Antara digariskan ialah Langkawi boleh dikunjungi pelancong domestik seluruh negara, termasuk yang berada dalam Fasa Satu PPN terhad kepada individu lengkap dua dos vaksin, namun tidak terpalat kepada mereka yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Semua pelancong ke pulau itu juga tidak diwajibkan mendapatkan perlindungan insurans dan saringan COVID-19. Pelancong ke Langkawi sama ada melalui feri atau kapal terbang hanya perlu mendapatkan kebenaran polis dengan membuat pengesahan tempahan dari hotel, tiket feri atau tiket penerbangan.

Bagi yang melalui jalan darat, hendaklah menggunakan khidmat agensi pelancongan sekurang-kurangnya perkhidmatan feri, manakala yang berasal dari Kedah dan Perlis tidak diwajibkan menggunakan khidmat

agensi pelancongan.

Ibu bapa juga boleh menarik nafas lega apabila tiada had umur ditetapkan untuk masuk ke Langkawi dan individu berusia 18 tahun ke bawah boleh melancong bersama ibu dan bapa yang lengkap divaksin.

Gelembung pelancongan ini juga membenarkan penggunaan kenderaan perseorangan atau kenderaan sewa dengan bilangan penumpang dibenarkan mengikut kapasiti kenderaan.

Namun, beberapa aspek gelembung pelancongan dan SOP diumumkan perlu diperhalusi. Antaranya, jumlah had kemasukan harian pelancong ke Langkawi yang dibenarkan satu-satu masa. Ia perlu diambil kira bagi mengawal aliran trafik pelancong di pulau itu.

MOTAC serta agensi terbahit perlu memantau dengan teliti pergerakan pelancong masuk dan keluar pulau berkenaan, iaitu di jeti dan lapangan terbang.

Agensi terbahit seperti Jabatan Laut sebagai contoh perlu memastikan keadaan di kawasan jeti terkawal bagi mengelakkan kesesakan. Pengusaha pelancongan tempatan

“Hasil perkembangan projek rintisan gelembung pelancongan domestik ini penting dijadikan kayu ukur”

juga mesti mengutamakan keselamatan dan pengurusan risiko yang efisien dalam menerima kedatangan pelancong.

Tidak dinafikan, rakyat tentu tidak sabar melawat Langkawi, terutama melihat tawaran diskaun dan promosi menarik daripada agensi pelancongan, hotel dan resort di pulau itu.

Diharap pelancong memahami serta patuh SOP norma baharu supaya gelembung pelancongan ini kekal hijau, seterusnya merealisasikan lebih banyak gelembung domestik pada masa akan datang.

Hasil perkembangan projek rintisan gelembung pelancongan domestik ini amat penting dijadikan kayu ukur dan contoh ideal dalam persiapan pembukaan pulau peraginian lain secara berperingkat antaranya Pulau Redang, Pulau Kapas, Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Pulau Rawa, Pulau Perhentian dan Pulau Sipadan.

Kejayaan ini juga diharapkan dapat membangkitkan pula ke destinasi pelancongan utama lain seperti Bukit Fraser, Desaru, Melaka, Pulau Pinang dan Sabah pada masa akan datang.

Artikel Akhbar - Berita Harian

12 September 2021

Sumber Artikel : Akmal Adanan
Ketua Unit Komunikasi Korporat, UiTMCM

Cuepacs santuni petugas PPV UiTM Lendu

KONGRES Kasatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) melakukan lawatan rasmi ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu, Melaka baru-baru ini. Lawatan yang diketuai Presidennya, Adnan Mat itu bertujuan menyantuni dan menghargai petugas di PPV tersebut yang banyak berkorban untuk menyajikan program imunisasi Covid-19 khususnya di Melaka.

Cuepacs turut menyerahkan siji penghargaan dan cenderamata kepada semua petugas sebagai tanda penghargaan.

Turut hadir Naib Canselor UiTM yang baharu dilantik, Prof. Ts. Dr. Roziah Mohd. Janor.

■ **ADNAN MAT** (dua dari kiri) dan Roziah Mohd. Janor (tiga dari kanan) bergambar bersama barisan kepimpinan Cuepacs dan UiTM di PPV UiTM, Lendu, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/ MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI



Artikel Akhbar - Berita Harian

12 September 2021

Sumber Artikel :

Shahizam Tazali

Muhammad



Rakyat Taiwan lebih berdisiplin dalam mematuhi prosedur operasi standard Covid-19 berbanding penduduk Malaysia. - AFP

Wuduk, pelitup muka elak virus

SAUDARA PENGARANG,

KADAR vaksinasi di Malaysia adalah antara tertinggi dan terlama di dunia. Sehingga 8 September lalu, sebanyak 516 peratus rakyat telah lengkap dua dos.

Malah jika dinilai lebih teliti, kadar vaksinasi ini adalah lebih tinggi daripada serentengah negara seperti Taiwan yang sehingga tengah tersebut hanya 4.3 peratus daripada 23.6 juta penduduk mendapat vaksin lengkap.

Walaupun kadar vaksinasi di Taiwan jauh lebih rendah, mereka bebas melakukan aktiviti harian, tidak mematuhi sekatan pergerakan dan pada 25 Ogos lalu negara itu mencatatkan sifar jangkitan tempatan.

Pada 8 September lalu, jumlah kematian akibat Covid-19 hanyalah 87 orang di Taiwan berbanding di Malaysia sebanyak 19,193 orang.

Ragumakah ini berlaku? Taiwan yang pernah berhadapan dengan virus Sindrom Pernafasan Akut 'Teruk' SARS pada 2002 memberi insipat pada gaya hidup rakyatnya.

Rakyatnya amat berdisiplin mematuhi prosedur operasi standard SOP dalam rutin harian. Kawatir sendiri dimulakan terutama oleh golongan bergaji dalam memastikan pemuliharaan virus tidak berlaku dalam komuniti mereka.

Selain itu, pengatikanan ketat oleh pihak berwajib juga pelengkap kepada usaha mereka menanganai pandemik.

Sebaliknya di Malaysia, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah kerap mengingatkan orang ramai agar mematuhi SOP ketika berurusan di luar rumah. Kemudian dan kelengkapan yang diberikan bukan kerana kredens negara telah selamat, tetapi disebabkan oleh desakan ekonomi.

ekonomi.

Terkini, Noor Hisham mengingatkan individu yang telah mendapat vaksinasi lengkap masih berisiko untuk mendapat jangkitan serta menyebarkan virus.

Justeru, mematuhi pelitup muka dengan betul adalah penting terutama jika perlu berurusan di tempat awam yang tertutup serta terhad tahap pengedaranannya.

Memperat sedikit air ke dalam hidung sebegini berwujud boleh diamanahkan oleh mereka yang bergaji dalam. Ini dapat membantu menyebarkan dan sekali gus dapat menggalakkan pertumbuhan virus di kawasan hidung.

Kebimbangan masyarakat turut memuncak apabila media melaporkan kewujudan varian baharu seperti Delta Plus dan Lambda.

Walaupun tiada kes dilaporkan di Malaysia setakat ini, media melaporkan kebanyakan situasi jangkitan yang ada adalah tidak bergaji tetapi hakikatnya penakut sedang mengalami tahap bahaya.

Kementerian Kesihatan mencadangkan dihalakan pemantauan sendiri untuk menggalakan sesuatu tidak dianggap berlaku. Selain memiliki mesin bacaan oksimeter di rumah, penggunaan ujian kit pantas antigen (RTN Ag) adalah digalakan supaya pemantauan awal dapat dibuat, seterusnya membolehkan kita mendapatkan rawatan segera.

Jelas, tugas melawan pandemik ini bukan terbalik kepada harian hadapan atau kumpulan tertentu sebaliknya adalah usaha kolektif.

INTAN LIANA SUHAIME
& SITI ROHANA DAUD
UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia

14 September 2021

Sumber Artikel : Intan Liana Suhaime &
Siti Rohana Daud

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTMCM

Budaya belajar di rumah wajar dikekalkan

Dr Asma' Wardah
Surthahman
Penyarah Kanan
Universiti Teknologi
MARA (UTM) Melaka

Pengumuman Menteri Kanan Pendidikan, Dr Radzi Jidin, Abad lalu berhubung pengoperasian sekolah secara berperingkat mengikut fasa memberi nafas lega kepada belia-belia besar Ibu bapa.

Pengajaran dan pembelajaran (PJP) bersemuka telah dimusnahkan dalam penyesuaian dan penerimaan lima untuk pelajar.

Istilah kebolehgunaan dan perisian PJP bersemuka bukan hanya kepada Kementerian, bahkan guru, penjuruh, pelajar dan ibu bapa.

Laporan ini diperolehi pada 2021 sehingga akhir Februari 2022 dilihat langkah bijak menunjukkan tidak semua pelajar mampu mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PJP) akibat pelbagai kekurangan. Ia bagi memastikan tiada pelajar ketinggalan dalam menguasai sifir dan sifir taburan.

Bagi mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT), terutama semester pertama dan kedua, mereka belum merasa kelesuan dan kebosanan dalam kerana pengajaran bermula dengan pembelajaran secara dalam talian.

Cik, iya, pengumuman Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang memuktamadkan kerangka jalan merangka prosedur operasi standard (SOP) kemunculan pelajar IPT semalam, memberi berita gembira kepada mahasiswa.

Justeru, ibu bapa perlu mendampingi serta sentiasa mengagihkan anak dalam memahami SOP dan peraturan sekolah. Bukan lagi ibu bapa, mengendalikannya anak ke sekolah bukan

bermaksud menyerahkan kembali semua tugas pengajaran kepada guru semata-mata. Walaupun, pelaksanaan PJP bersemuka sepenuhnya akan berlaku, budaya pembelajaran yang wajar di rumah ketika PJP harus diteruskan dan dijaga secara bilik.

Pelajar terduduk dengan kemudahan akses internet, kepelbagaian sumber pembelajaran tambahan dapat dimanfaatkan pelajar dan masyarakat awam melalui saluran YouTube YouTube oleh Utanikakata (Utamanik al-Quran), Cikgu Ruchael (Ruchael Inggres), Khulid Channel (Ruchael Inggres).

Ini termasuk ruang pembelajaran kondusif yang disediakan ibu bapa sebelum ini di rumah, hendaklah dikekalkan agar pelajar sentiasa untuk mengikuti pelajaran.

Adah juga perlu diupayakan kepada diri pelajar dalam melahirkan generasi berilmu dan beradab. Adah dipelajari secara langsung menerusi persembakan pelajar di rumah melalui dokumen dan pengaruh ibu bapa.

Hal ini perlu dititikkan, terutama sekali kebolehan masyarakat hari ini lebih cenderung kepada dan mengabaikan kebolehan, tempo (timbangan akal dan ilmu sehingga memberi keberanian dan membina proses pencerahan daripada pihak berwajib).

Kemungkinan, pelaksanaan PJP dan PJP bersemuka akan berlaku sepenuhnya jika semua pihak bertanggungjawab secara kolektif.

Mayarakat perlu sentiasa berinovasi untuk berinovasi, berilmu, beradab, cakaun dan tangkas dalam menghadapi segala kemungkinan dan terus mengukuhkan budaya pembelajaran di rumah.

haya Mandarin) dan Shafiq Education (Shafiq Tamid).

Kekurangan penempatan pelajar oleh ibu bapa ketika PJP perlu diteruskan supaya kelengkapan pendidikan pelajar lebih berkesan. Jalinan pembelajaran mungkin yang disusunkan boleh diaplikasikan sepanjang pelajar di rumah.

Justeru, disiplin dan pengurusan masa dalam mengikuti akademik dan aktiviti tambahan di rumah penting dalam menjaga kreativiti dan kecermatan pelajar.

Ini termasuk ruang pembelajaran kondusif yang disediakan ibu bapa sebelum ini di rumah, hendaklah dikekalkan agar pelajar sentiasa untuk mengikuti pelajaran.

Adah juga perlu diupayakan kepada diri pelajar dalam melahirkan generasi berilmu dan beradab. Adah dipelajari secara langsung menerusi persembakan pelajar di rumah melalui dokumen dan pengaruh ibu bapa.

Hal ini perlu dititikkan, terutama sekali kebolehan masyarakat hari ini lebih cenderung kepada dan mengabaikan kebolehan, tempo (timbangan akal dan ilmu sehingga memberi keberanian dan membina proses pencerahan daripada pihak berwajib).

Kemungkinan, pelaksanaan PJP dan PJP bersemuka akan berlaku sepenuhnya jika semua pihak bertanggungjawab secara kolektif.

Mayarakat perlu sentiasa berinovasi untuk berinovasi, berilmu, beradab, cakaun dan tangkas dalam menghadapi segala kemungkinan dan terus mengukuhkan budaya pembelajaran di rumah.



Artikel Akhbar - Berita Harian

15 September 2021

Sumber Artikel :
Dr.Asma' Wardah Surthahman
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTMCM

Memartabatkan Keluarga Malaysia



PERSPEKTIF
SHAFIEZAH ABDUL WAHAB

Perpaduan dapat diartikan sebagai hubungan erat berfikir toleransi yang diwujudkan secara sengaja dalam kalangan kaum dan etnik berbeza untuk mencapai matlamat bersama. Dalam kata lain, perpaduan adalah proses menyatupadukan seluruh masyarakat Malaysia untuk membentuk satu keluarga dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bungkaran negara. Jika dilihat secara umum, Malaysia merupakan antara negara yang terkenal di mata dunia sebagai sebuah negara yang membangun pesat. Kejayaannya bukan sekadar menunggang isu-isu tempatan bahkan turut serta dalam menangani permasalahan yang dialami masyarakat antarabangsa.

Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sentiasa dengan kepelbagaian. Walaupun rakyat berbilang etnik dan bangsa, tetapi mereka dapat hidup rukun dan damai. Inilah kekuatan bangsa

Malaysia! Dalam pelbagai isu berkaitan masalah perpaduan kaum di Malaysia lewat kebelakangan ini, tidak adil untuk kita mengukuhkan negara atas kepercayaan bahawa masyarakat kian berpecah.

Perpaduan rakyat Malaysia amat jelas dalam aspek sosial. Kebersamaan ini dapat dilihat di kedai-kedai mamak atau warung-warung kopi. Bangsa Malaysia yang berbilang kaum dan budaya memiliki citarasa yang sama. Roti canai, nasi lemak dan teh tarik tetap menjadi pilihan rakyat Malaysia. Kesatuan ini juga dilihat kuat dalam agenda vokal di mana sebuah bangsa Malaysia bersatu dalam menyokong kontingen Malaysia dalam apa jua acara vokal. Dan trofi kemenangan itu merupakan trofi kemenangan rakyat Malaysia sendiri.

Setiap hari Jumaat juga kita dapat lihat akan perpaduan umat Islam berbilang warna kulit, pangkat dan juga latar belakang fahaman politik berbeza berkumpul di setiap masjid di seluruh pelosok negara untuk mematuhi yang sama.

Justeru, cabaran utama perpaduan Keluarga Malaysia dapat mewujudkan negara Malaysia bersatu padu dengan matlamat serupa dan boleh dikongsi bersama. Tetapi masalah yang dilihat dalam konteks perpaduan politik negara adalah

satu senario yang lemah. Hal ini berkaitan dengan cabaran mewujudkan masyarakat berbilang dan berbudaya penyayang iaitu sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar kepada individu tertentu sahaja.

Ancaman perpaduan kaum di Malaysia kini dilihat secara jelas melalui ideologi politik yang ada daripada parti mahupun pemimpin parti politik itu sendiri. Perbalahan antara pemimpin politik di Malaysia menjadi punca kemarahan rakyat di negara ini. Suara lantang pemimpin politik mempertahankan ideologi dan kepentingan masing-masing seolah tidak mementingkan rakyat. Benar, banyak usaha dilakukan kerajaan dan kerajaan tendahul namun kepincangan politik ini secara tidak langsung mengugat keharmonian masyarakat Malaysia.

Pemimpin politik di bawah kepimpinan kerajaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob perlu tegas mempertahankan kedaulatan Keluarga Malaysia dalam memacu negara menjadi negara maju dalam tempoh pasca Covid-19. Tumpuan perlu diberi kepada kestabilan ekonomi dan pembangunan rakyat berbanding agenda politik parti. Masih belum lagi terlambat untuk memperbaiki masalah per-

paduan negara. Yang penting kelihatan, Barulah semangat nasionalis dalam kalangan rakyat dapat dikuatkuatkan.

Tanggal 31 Ogos dan 16 September membuktikan perpaduan seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama turut serta meletakkan aksi patriotisme dan menjadi rakyat nasionalis yang cintakan negara. Keburan Johor Gemilang, pengumuman bahasa kebangsaan, pemakaian pelbagai bahasa tradisional, tari dan acara kerakyatan pelbagai budaya menjadi bukti perpaduan Keluarga Malaysia. Janglah jadi perpaduan kita hanya pada tarikh tertentu sahaja. Apa ertinya negara meruntuh ulang tahun kemerdekaan jika rakyat dan pemimpin masih lagi punya rasa wasangka sesama sendiri. Semua ini masalah politik yang harus diselesaikan.

Merdekalah kita sebenarnya? Mungkin benar kita telah merdeka dari jajahan, sebaliknya kita dijajah pemikiran kita sendiri. Mari kita bebaskan diri dengan mengayahi diri sebersih mendaulatkan kemerdekaan. Berdirilah bersama pemimpin politik Malaysia bersama rakyat, bersatu demi Malaysia!

*Shafiezah Abdul Wahab ialah Penyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Sinar Harian

16 September 2021

Sumber Artikel : Shafiezah Abdul Wahab
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,
UiTMCM

Pacu ekonomi lebih rancak fasa endemik

Nurul Ain Mustakim dan Noorzalya Mokhtar, Penyaraf Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka

Pengumuman Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, mengenai jangkaan negara beralih ke fasa endemik Oktober ini serba sedikit memberi sinar harapan kepada masyarakat khususnya peniaga kecil yang menjalankan perniagaan secara tradisional atau fizikal.

Endemik adalah keadaan di mana sesuatu penyakit, termasuk virus tidak dapat dihapuskan daripada terus menyebar dalam kalangan masyarakat. Contohnya seperti influenza dan denggi.

Rakyat Malaysia perlu akur untuk hidup bersama virus ini dengan mengamalkan norma baharu serta langkah kesihatan awam yang disarankan.

Peralihan kepada fasa endemik membolehkan lebih banyak sektor ekonomi dibuka, sekali gus merancakkan kembali ekonomi negara.

Peniaga kecil khususnya boleh menjalankan per-

niagaan seperti sedia kala untuk mencari rezeki.

Inisiatif seperti melakukan saringan kit ujian sendiri COVID-19 sebelum memulakan perniagaan antara langkah yang wajar dipraktik apabila memasuki era endemik nanti.

Kerajaan sendiri menetapkan harga siling bagi kit ujian sendiri, di samping meluluskan lebih banyak kemudahan ini dan memperluas premis yang dibenarkan menjual, selain farmasi dan fasiliti kesihatan.

Kit ujian sendiri juga diberi percuma kepada golongan B40 bagi melindungi mereka dalam fasa endemik.

Pembekalan sektor pelancongan pula memberi nafas baharu kepada sektor ini yang hampir tidak susut dalam pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).

Setiap penggiat industri harus menyusun strategi pemasaran, promosi dan paling penting prosedur operasi standard (SOP) mengenai peng-

dalian pelanggan, pengurusan sumber manusia dan pelbagai aspek lain yang perlu bagi memastikan keselamatan semua pihak terjamin.

Kerajaan sendiri perlu memperhalusi strategi dan menyusun langkah kesihatan awam secara holistik bagi memastikan tiada kompromi terhadap keselamatan dan kesihatan masyarakat pada fasa endemik nanti.

Fokus harus menurus kepada mempernaskakan liputan vaksinasi bagi mencapai imuniti kelompok dan membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih selamat seperti sebelum virus ini menyerang dunia.

Impak pelaksanaan PKP terhadap ekonomi amat besar dan memerlukan waktu yang lama untuk pulih.

Justeru, rakyat harus lebih bertanggungjawab dan menyokong program vaksinasi negara bagi memastikan keseimbangan ekonomi dan kesihatan awam dapat dicapai.

Artikel Akhbar - Berita Harian

17 September 2021

Sumber Artikel : Nurul Ain Mustakim dan Noorzalya Mokhtar
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM



ADA pihak berpendapat GST dapat dilaksanakan semula dengan syarat ia dibuat dengan adil.

Tidak sokong laksana semula GST

SAUDARA PENGARANG,

KETIKA dunia masih berdepan pandemik Covid-19, isu ekonomi malapunt kesihatan terus mendapat perhatian.

Kerajaan tanpa alpa terus memberi keutamaan dalam sektor kesihatan bagi menjaga kehidupan rakyat. Namun, sektor ekonomi tidak boleh diabaikan bahkan perlu mendapat suntikan segera kerana pandemik berpanjangan ini akan memberi kesan ketara terhadap Kewangan Dalam Negara Kasar (KDNGK).

Kewibawaan jentera kerajaan menjadi tunjang terhadap keberkesanan pelaksanaan sesuatu dasar ekonomi. Oleh yang demikian, aspek koordinasi dalam jentera kerajaan perlu sentiasa diberi perhatian agar manfaat sampai kepada golongan asas dengan kadar segera. Justeru, kemantingan serta kebijaksanaan adalah penting bagi menangani kesan pandemik Covid-19. Kerajaan perlu mengaji segera sistem percukutan kerana cukai adalah antara sumber utama negara.

Kutipan cukai yang adil dan cekap dalam tempoh pandemik ini perlu bagi memastikan hasilnya dapat dialokasikan kembali kepada rakyat demi kesejahteraan negara.

Tertakla rakyat sedang berdepan dengan Covid-19, kerajaan tidak seharusnya menambah beban rakyat dengan kadar cukai tahunan.

Jika dirujuk pada teori Keluk Laffer yang mengatakan jika kerajaan ingin meningkatkan pendapatan negara daripada percukutan, kadar cukai yang dikenakan mesti tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi.

Apas yang boleh kerajaan perhalusi adalah mengenakan cukai sewajarnya terhadap sektor ekonomi yang meraih manfaat besar dalam tempoh pandemik ini.

Sebagai contoh, nyatalah pengaruh sarung tangan getah dan institusi kewangan yang meraih keuntungan luar biasa ketika pandemik melanda berbanding nyatalah pelancongan atau automotiv.

Tidak adil untuk mengenakan kadar cukai

yang sama iaitu 26 peratus sedangkan banyak sektor ekonomi tidak senasak sebelum Covid-19 melanda.

Dalam pada itu, pada Jun lalu, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi (EAC), Profesor Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali mencadangkan dilaksanakan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) kerana dapat membantu kerajaan menambah baik sistem kutipan cukai.

Beliau berpendapat, GST dapat dilaksanakan dengan syarat ia dibuat dengan adil dan rakyat dapat memahami manfaatnya kepada negara. Cadangan itu kemudiannya timbul lagi sejak akhir-akhir ini menjelang pembentangan Bajet 2022.

Kami berpendapat, GST tidak wajar diperkenalkan semula dalam tempoh terdekat terutama dalam waktu yang sukar buat rakyat. Tambahan, banyak sektor perniagaan tidak beroperasi sepenuhnya. Sistem cukai yang efisien memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi sekali gus meningkatkan keharmonian negara.

Jika pada pembentangan bajet sebelum ini kerajaan memberi insentif penolakan cukai seperti perbelanjaan berkaitan Covid-19 termasuk pembelian bekalan teknologi maklumat (IT), maka pada tahun ini juga kerajaan perlu mengemukakan dan meningkatkan insentif buat rakyat.

Sebagai contoh, insentif penolakan pembelian kenderaan dan kediaman. Ini kerana apabila kuasa membeli ada pada rakyat maka peningkatan transaksi akan menyumbang kepada rancaknya ekonomi negara.

Bugaimanapun, setiap individu di negara ini perlu berusaha bersama-sama bagi mengembalikan kegemilangan sektor ekonomi. Tanggungjawab ini tidak seharusnya dipikul oleh kerajaan semata-mata.

AFIDAH SAPARI & SITI ANIS
NADIA ABU BAKAR
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia

18 September 2021

Sumber Artikel : Afidah Sapari & Siti Anis Nadia Abu Bakar
Ketua Unit Komunikasi Korporat, UiTMCM

Terus patuh SOP setiap masa

Najihah Abdul
Rahim,
Penyarah Kanan
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Melaka

Malaysia bakal memasuki fasa endemik COVID-19 bermula hujung Oktober ini seperti dinyatakan Menteri Kesihatan.

Endemik bermaksud kejadian penyakit sesetengah wujud dalam masyarakat atau sesuatu tempat seperti denggi. Bagaimanapun, ini bukanlah petanda kita sudah bebas dan menang melawan virus ini.

Pemberian vaksin kepada rakyat antara usaha kerajaan memastikan penularan COVID-19 dapat dibendung. Namun, ini bukan bermakna penerima vaksin tidak akan dijangkiti lagi.

Bilangan pesakit COVID-19 masih pada tahap tinggi walaupun terdapat penurunan harian. Terdapat segelintir masih degil dan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Contohnya, tiada penjarakan fizikal ketika di dalam kedai dan melebihi kapasiti ditetapkan. Ini pastinya akan menyumbang peningkatan kadar jangkitan kepada orang lain sekiranya ada antara pengumpul positif.

Terdapat juga selalunya masyarakat hanya

pasai memaling jari kepada kerajaan, sebaliknya diri sendiri tidak mematuhi SOP ditetapkan.

Memandangkan pelbagai sektor dalam negara dibenarkan beroperasi, rakyat tidak boleh terlalu ghaib mengunjugi tempat sesak.

Baru-baru ini, foto dan aktiviti masyarakat yang terlihat teruja mengunjugi beberapa lokasi seperti sungai dan pusat beli-belah tular di media sosial selepas kerajaan mengumumkan perubahan fasa dua bagi Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tidak salah jika pasai menjaga SOP dan sentiasa mengagihkan penjarakan fizikal. Namun, sekiranya kita perlu bijak memilih tempat tidak ramai pengumpul bagi memastikan SOP dapat dilaksanakan lebih sempurna.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumi orang ramai termasuk penerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan dan nasihat kesihatan.

Elakkan kawasan sesak, amalkan ketepatan membasuh tangan, sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam tertutup dan pemakaian

bermuka amat digalakkan.

Masyarakat perlu lebih bijak berperanan dalam memastikan COVID-19 dapat dibendung. Penubuhan banyak sektor bukan bermakna kita bebas melakukan apa sahaja.

Bertindak lebih bijak dan sentiasa memastikan diri serta keluarga dalam keadaan selamat. Pastikan kita sentiasa mematuhi tahap kesihatan diri bagi memastikan penularan COVID-19 dapat dikurangkan.

Jika mengunjugi pusat awam penyakit, disarankan melakukan pengasingan sendiri di rumah dan segera mendapatkan nasihat doktor.

Langkah ini amat penting bagi memastikan penurunan kes secara konsisten berlaku setiap hari.

Sekiranya ada kematian kes dan kematian lebih tinggi selepas ini, tidak mustahil kita perlu berdepan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Oleh itu, sangatlah penting untuk rakyat berganding bahu melawan COVID-19 dengan mematuhi arahan dan melaksanakan SOP dengan betul.

Artikel Akhbar - Berita Harian
18 September 2021

Sumber Artikel : Najihah Abdul Rahim
Fakulti Pengurusan Pemiagaan, UiTMCM

Ekonomi jualan beri ruang peniaga kecil bertahan

Oleh Siti Mariam Ali
bhrencana@bh.com.my



Penyarah Kanan
Jabatan Ekonomi,
Fakulti Pengurusan
Dan Pemiagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Melaka

Kita sering dimonokkan stigma negatif peniaga kecil-kecilan tidak cukup sumber kewangan, miskin, tidak teratur dan berlesen serta kurang bersih.

Namun, gara-gara selegit ini memiliki kesan besar kepada ekonomi yang turut dikenali ekonomi jualan, iaitu aktiviti pertukaran barangan atau perkhidmatan biasanya dijalankan di kawasan awam, tepi jalan, kaki lina atau sudut kecil tertentu, premis sementara atau kawasan kejiranan.

Termasuk seniman jualan membuat persembahan di laluan tumpuan rakyat dan pelancong asing. Ekonomi jualan

adalah jalan pintas kepada sebahagian ini masyarakat B40, kumpulan rentan, individu diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19 atau golongan mencari pendapatan tambahan.

Diakui, aktiviti ekonomi ini bermula modal rendah, tempoh perniagaan pendek dan bilangan peniaga tidak ramai tetapi mampu memberi peluang pekerjaan serta pendapatan tambahan.

Dua tahun kebelakangan ini, masyarakat dunia

berdepan pandemik COVID-19 menjejaskan ekonomi global keseluruhan dan mengakibatkan rakyat kesempitan wang.

Laporan Statistik Tenaga Buruh (2020) melaporkan 610,000 penganggur di negara ini yang belum menunjukkan sebarang pengurangan signifikan hingga hari ini. Terjejas teruk dengan krisis kesihatan, banyak syarikat besar terpaksa gantung tiar, manakala pekerja diberhentikan hingga hilang sumber pendapatan.

Namun, rata-rata masyarakat memiliki kemahiran boleh diketengahkan atau digunakan untuk menjana pendapatan. Tanpa menunggu bantuan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau per-seendirian, ramai memberikan diri bernalang untuk kelangsungan hidup.

Walaupun ekonomi jualan tidak mampu menyumbangkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau pendapatan negara, aktiviti ekonomi jualan ini sangat signifikan dalam mengekalkan kebolehpasaran kemahiran dimiliki dan menggalakkan kuasa beli dalam masyarakat, selain mencipta simbiosis perniagaan sangat positif.

Negara seperti China dan Singapura mengintegrasikan konsep ekonomi jualan dalam perancangan bandar. Ekonomi jualan mereka menjadi lokasi tumpuan pelancong luar negara kerana kepelba-

gaian produk tempatan murah, unik dan bernilai estetik tersendiri.

Penggunaan ekonomi dapat dicipta untuk golongan defisit ini dalam masyarakat. Ia akan lebih berkesan dengan campur tangan kerajaan dan perhatian khusus pihak berkuasa tempatan (PBT). Kerajaan perlu memberi kelulusan tempat untuk perniagaan dijalankan, bantuan asas sebagai modal permulaan, bimbingan perniagaan melalui agensi dan bantuan pemasaran di media.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) antara agensi penting dalam membantu kestabilan ekonomi jualan lebih mampan. Secara dasarnya, ia dirubuhkan untuk memecahkan kuasa monopoli orang tengah terhadap produk keluaran petani dan nelayan tempatan.

Ini bermakna, ekonomi jualan secara langsung memberi ruang kepada petani dan nelayan untuk terus memasarkan produk sendiri di pasaran dengan harga lebih murah serta menjana keuntungan langsung.

Ekonomi jualan diumpamakan projek rintis atau inkubator sangat praktikal kerana melatih peniaga kecil untuk terus bertahan dalam ekonomi dan menghasilkan perniagaan berskala besar dalam jangka panjang.

Artikel Akhbar - Berita Harian
20 September 2021

Sumber Artikel : Siti Mariam Ali
Fakulti Pengurusan Pemiagaan, UiTMCM

Literasi ekonomi lahirkan masyarakat cakna isu semasa

Hazalinda Harun

Pensyarah Kanan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM) Melaka

Tular perbezaan dua terma *ceiling price* (harga siling) dan *selling price* (harga jualan) baru-baru ini berikutan ciapan Menteri Kesihatan, Khairiy Jamaluddin dalam bahasa Inggeris.

istilah *ceiling price* itu dibetulkan beberapa netizen dengan *selling price* yang mana mereka berasakan penggunaan perkataan itu lebih tepat.

Kelihatan ini satu isu yang remeh, tetapi sebenarnya memberi bayangan tentang tahap literasi ekonomi atau celik ekonomi masyarakat kita. Sekiranya, kita membuat carian di internet, kita akan dapati maklumat berkaitan literasi ekonomi ini sangat sedikit jika dibandingkan berkaitan literasi kewangan.

Adakah ini bermaksud literasi ekonomi tidak penting? Itu menjadi persoalan.

Literasi ekonomi bermaksud masyarakat mempunyai pengetahuan asas dalam bidang ekonomi dan mampu menggunakan pengetahuan itu untuk membuat keputusan terutamanya dalam mengelolakan sumber dengan baik.

Sekali gus indikator kepada rendahnya literasi ekonomi adalah apabila sumber ekonomi tidak digunakan secara efisien.

Jika terma asas dalam ekonomi pun masih asing untuk masyarakat kita, bagaimana kita mahu mendidik masyarakat menggunakan

sumber ekonomi yang terhad ini dengan baik, masyarakat yang bijak memilih dan masyarakat yang mengetahui perbezaan antara keperluan dan kehendak.

Perkara lebih besar, literasi ekonomi atau celik ekonomi ini perlu dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat supaya mereka dapat menghayati usaha kerajaan dan memahami tentang pelaksanaan dasar, sekali gus membantu kerajaan mencapai objektif dasar dilaksanakan.

Misalnya, pelaksanaan harga siling, masyarakat perlu tahu tujuan pelaksanaan, kumpulan yang menerima manfaat dan kemungkinan yang bakal berlaku selepas pelaksanaan.

Pengetahuan ini akan melahirkan masyarakat yang faham, sekali gus menyokong usaha kerajaan.

Kita mahukan masyarakat yang lebih kritis dalam mengolah konsep ekonomi, misalnya mereka tidak hanya mentafsirkan pengangsuran individu yang tidak bekerja tetapi maksud pengangsuran yang sebenar adalah individu yang tidak bekerja, tetapi sedang aktif mencari pekerjaan.

Mereka juga tidak hanya mentafsirkan inflasi itu hanya situasi kenaikan harga, tetapi kenaikan harga secara berterusan dengan mengetahui alat pengukurannya, jenisnya dan impak inflasi itu.

Tambahan pula sekarang ketukan papan kekunci daripada masyarakat yang bergelar

netizen sudah boleh mempengaruhi dan memberi input dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan, khususnya dalam bab ekonomi.

Jadi, kita memerlukan netizen yang lebih bijak di mana kritikan daripada netizen ini lebih berorientasikan manfaat yakni memberi solusi, bukannya sekadar mencari kesalahan.

Usaha meningkatkan literasi ekonomi ini perlu menyeluruh, bermula pada peringkat kanak-kanak sehingga dewasa.

Hak literasi ekonomi ini perlu bermula dari awal, kerana ia persediaan kepada golongan yang masih muda menguruskan diri dan kehidupan sosial mereka sebagai masyarakat.

Sebagaimana kita menekankan kepentingan pelajaran sains dari peringkat sekolah rendah, pelajaran ekonomi juga perlu dititikberatkan.

Ini kerana ekonomi adalah berkaitan dengan tingkah laku manusia untuk mendapatkan dan mengelola sumber yang terhad di sekeliling mereka dengan bijak.

Kesimpulannya, dua bahagian ekonomi yakni mikroekonomi dan makroekonomi yang mempunyai kebergantungan terhadap satu sama lain, harus dikuasai ilmunya supaya kesejahteraan masyarakat akan lebih baik.

Dengan erti kata lain, peningkatan penguasaan literasi ekonomi tidak dapat ditawarkan menawan melainkan menjadikannya keutamaan dalam semua peringkat masyarakat.

Artikel Akhbar - Berita Harian

22 September 2021

Sumber Artikel : Hazalinda Harun
Fakulti Pengurusan Pemiagaan, UiTMCM

Perhalusi sistem percukaian demi manfaat kepada rakyat

**Afidah Sapari
dan Siti Anis
Nadia Abu
Bakar,**
Pensyarah
Kanan
Universiti
Teknologi
MARA (UiTM)
Melaka

Ketika pandemik masih berlarutan, kerajaan tanpa alpa terus memberi keutamaan kepada sektor kesihatan bagi menjaga kebajikan rakyat.

Namun sektor ekonomi tidak boleh diabaikan kerana pandemik berpanjangan memberi kesan ketara terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Kewibawaan jentera kerajaan menjadi tunjang keberkesanan sesuatu dasar ekonomi dilaksanakan. Oleh itu, aspek koordinasi dalam jentera perlu diberi perhatian supaya manfaat sampai kepada golongan sasaran dalam kadar segera.

Kerajaan perlu mengkaji segera sistem percukaian kerana ia antara sumber utama negara. Kutipan cukai adil dan cekap dalam tempoh pandemik perlu bagi memastikan hasilnya dapat disalurkan kembali kepada rakyat demi kesejahteraan negara.

Ketika rakyat masih begelut, tidak wajar menambah beban dengan kadar cukai tahunan. Teori 'Keluk Laffer' menyatakan jika kerajaan ingin meningkatkan pendapatan negara daripada percukaian, kadar cukai dikenakan mesti tidak terlalu ren-

dah dan tidak terlalu tinggi.

Apa boleh diperhalusi adalah mengenakan cukai sewajarnya terhadap sektor ekonomi yang meraih manfaat besar dalam tempoh pandemik. Contohnya seperti syarikat pengeluar sarung tangan.

Tidak adil mengenakan kadar cukai sama iaitu 26 peratus sedangkan banyak sektor ekonomi tidak serancak sebelum COVID-19 melanda.

Sistem cukai yang efisien memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi, sekali gus meningkatkan keharmonian negara.

Jika pada pembentangan Belanjawan 2021 sebelum ini, kerajaan memberi insentif penolakan cukai seperti perbelanjaan berkaitan COVID-19 dan pembelian berkaitan teknologi maklumat (IT), maka tahun ini ia perlu dikekalkan dan dipertingkatkan insentif untuk rakyat.

Sebagai contoh insentif penolakan pembelian kenderaan atau kediaman. Apabila kuasa membeli ada pada rakyat, maka peningkatan transaksi akan menyumbang kepada rancaknya ekonomi negara.

Namun, setiap individu perlu berusaha bersama mengembalikan kegemilangan sektor ekonomi negara. Tanggungjawab ini tidak seharusnya dipikul kerajaan semata-mata.

Artikel Akhbar - Berita Harian

24 September 2021

Sumber Artikel : Afidah Sapari & Siti
Anis Nadia Abu Bakar
Ketua Unit Komunikasi Korporat, UiTMCM



APLIKASI MySejahtera perlu ditambah baik supaya boleh dihubungkan dengan peralatan pengesanan automatik. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Wujud kaedah pengesanan automatik

SAUDARA PENGARANG,

PADA 19 September lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mendedahkan pihaknya mengesan sebanyak 523 daftar masuk kebanyakannya di pasar raya melalui aplikasi MySejahtera dalam tempoh seminggu oleh individu yang sepatutnya menjalani perintah pengawasan di rumah (HSO).

Ini menunjukkan individu yang positif Covid-19 atau berstatus kontak rapat tidak mematuhi peraturan ditetapkan, manakala pemilik premis dan pengawal tidak melakukan pemeriksaan dengan betul.

Oleh itu, sudah sampai masanya inovasi baharu dibuat bagi mewujudkan kaedah pengesanan secara automatik untuk memastikan pemilik premis dan pengawal tidak perlu membelek telefon bimbit setiap pengunjung satu persatu.

Sepatutnya setiap premis sudah mempunyai peralatan yang dapat mengesan secara automatik status individu berisiko sebaik sahaja mereka menekan butang daftar masuk MySejahtera.

Gajet ini boleh mengeluarkan bunyi amaran bagi memaklumkan kepada pengawal supaya menghalang individu terbabit memasuki premis.

Keadaan ini boleh disamakan seperti kita berada di balai perlepasan lapangan terbang yang terdapat pintu bertiang dengan tujuan mengimbas badan kita sama ada mempunyai barang terlarang seperti senjata api ketika memasukinya.

Ia bukan bertujuan memalukan sesiapa tetapi lebih kepada langkah mencegah kemasukan individu yang boleh membahayakan orang lain.

Peralatan seperti ini boleh mengurangkan kadar jangkitan sekali gus menambah ciri-ciri keselamatan kesihatan dan meningkatkan kebolehppercayaan para pengunjung di setiap premis perniagaan.

**NURUL ZAMRATUL ASYIKIN AHMAD &
ROSZI NASZARIAH NASNI NASERI**
UiTM Melaka Kampus Alor Gajah

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia

25 September 2021

Sumber Artikel : Nurul Zamratul Asyikin Ahmad
& Roszi Nazariah Nasni Naseri
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM

Pendidikan seksual perjas hukum, elak kemaksiatan

Perlu diberi sejak kecil mengikut kesesuaian peringkat umur, tak dibiarkan 'tahu dengan sendiri'

Oleh Nazri Abu Bakar
Majalah 100, 100, 100

Pendidikan seks pada kaca mata masyarakat umum masih dilihat tabu, seolah-olah ada pantang larang tertentu membatalkan topik ini daripada dibincang.

Bukan sekadar salah faham, perasaan malu yang merembel juga ibarat benteng menghalang keterbukaan untuk sebarang topik berkaitan seksual dilonggah.

Alhamdulillah, pendidikan seks seringkali diletak ke tepi dan disilap anggap. Perasaan takut akan ditabung dilabel cuba mencetus gangguan seksual juga menjadi punca.

Fenomena ini tidak boleh dibiarkan berfesteran. Masyarakat sendiri tidak boleh lagi menganggap kononnya setiap individu akan faham secara sendiri mengenai topik seksual selepas berkahwin.

Penyarah Akademik Pengajian Islam Kontemporari (MCS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, Dr Izzah Nur Aida Zur Riffar berkata, pengetahuan dan asas laukh mengenai topik berkaitan seksual penting apabila seseorang itu melangkah ke fasa remaja, apatah lagi seorang perwujudan melalui hidup berumah tangga.

"Kita banyak dengar kes berkaitan seksual seperti hubungan sepihak, rapuh, zina dan perbuatan bawak berkuat dalam masyarakat. Puncanya tidak sedar kesan terhadap diri dan keluarga, serta dosa perlu ditanggung susulan pergaulan bebas matang tejerak kemaksiatan. "Justeru aspek penekanan terhadap pendidikan seksual menurut perspektif Islam amat penting diberi penjelasan bagi mengelak salah faham dalam masyarakat hingga menenggelamkan isu tersebut," katanya.

Mengulas konteks pendidikan seksual, katanya ia berkaitan membekalkan maklumat, pemahaman dan pengajaran merangkumi perkara membabitkan biologi dan jantina lelaki dan perempuan yang menurus kepada pbezaan struktur fizikal dan fungsi tubuh badan.

Tujuananya, untuk mengajar, membekalkan maklumat dan bertenang tentang nafsu dan perkembangan, supaya berupaya memahami perkara halal dan haram dalam Islam serta tidak tergelincir dengan syubhat dan kemaksiatan.

Menurutnya, pendidikan seksual seharusnya diberikan pendididhan sejak kecil mengikut kesesuaian peringkat umur.

kanak-kanak seperti disasarkan tubuh pendidikan, Abdullah Nashi 'Umar. Contohnya, peringkat usia tujuh hingga 10 tahun, kanak-kanak perlu dijar dan atau adab meminta izin dan cara atau adab memandang antara lelaki dan perempuan.

Di luar adab dan kenopmaru
Peringkat usia 10 hingga 14 tahun (umur murabahah), seseorang anak perlu dibekalkan daripada rangsangan seks, dilakut peringkat usia 14 hingga 16 tahun dinamakan umur bulugh (re-



maja) yang mana dijar mereka perse- dian menghadapi waktu terbiat.

Peringkat usia selepas bulugh pula dijar adab dan kenopmaru serta membekalkan diri daripada seks haram dan implikasi seks tidak mengikut huan agama.

Izzah berkata, Islam juga menekankan penjaja memelihara diri sebelum masuk ke bilik ibu bapa atau ahli keluarga pada waktu tertentu.

Allah SWT berfirman maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah tamba-tamba (lelaki dan wanita) yang kamu miliki, dan orang-orang yang belum bulugh antara kamu, memelihara diri kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) yaitu: sebelum sembahyang subuh, ketika kamu menanggalkan pakaian (inner mu) di tengah hari dan sesudah sembahyang isyak. (Al-falaq) juga aurat bagi kamu. Tidak ada dosa atasmu dan tidak (pula) atas mereka selagi daripada tiga waktu itu. Mereka di sekolofing kamu, selah- gikan kamu ke atas selahagian (yang lain). Demikianlah Allah menepelkan ayat-ayat bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijak- sara." (Surah al-Nur, ayat 58)

Katanya, adab meminta izin dalam Islam boleh mengajar seseorang menghormati hak orang lain serta keperluan menjaga aurat supaya tidak dilihat oleh bukan mahram.

ke juga membabitkan proses memisahkan tempat tidur anak kepada bilikdipuan.

16 tahun ke atas
• Cenderung menepunya pasangan bilik.
• Peranakan adab menjaga keormatannya diri jika belum mampu berfikir.
• Berdikangan seks belaka hanya selepas pernikahan.

Sumber: Dr Abdullah Nashi 'Umar

lelaki dan perempuan, menajahkan per- campuran antara lelaki dan perempuan bagi menjaga pandangan mata daripada pelbagai rangsangan syubhat.

"Mereka mata bukan hanya daripada melihat yang bukan mahram seperti wanita atau lelaki ajub, tetapi termasuk tidak melihat foto atau rakaman video beneran hasil dan porno," katanya.

Dalam pada itu, Izzah menegaskan pendidikan seksual dalam Islam juga berkait rapat soal penjagaan kebersihan dan kesihatan diri terutama dalam pengendalian air mani dan darah haid yang tepat.

Motivanya, katanya supaya terhidang sebarang risiko jangkitan penyakit seksual seperti HIV, AIDS dan sebagainya.

Amat penting diberikan penjelasan
diar anak lelaki, mereka perlu diberi pengetahuan tentang proses bulugh yang berlaku kepada mereka lalu ihtilam sekitar usia 12 hingga 16 tahun, sementara anak perempuan wajar diberi maklumat serta pemahaman tentang darah haid, pengajutan manual diri dan kesuciannya.

Anak-anak dijar cara bersuci dengan mandi hadas dengan praktikal yang betul dan memahami ketuntan syarak daripada proses berkenaan.

Dalam hal ini, lebih baik jika bagi memberi turjak ajar dan bimbingan kepada anak lelaki, manakala ibu kepada anak perempuan bagi menjaga adab dan sifat malu.

Ternasuk dalam pendidikan seksual juga penanaman terhadap batasan aurat yang boleh dimulakan dengan etika berpakaian bagi seorang Muslim, supaya tidak berpakaian menjolok mata dan mengikut fesyen bertentangan kehendak Islam.

Pembentukan identiti berdasar jantina harus dimulakan sejak kecil, di mana anak lelaki ditamakkan jika ke- lakian serta anak perempuan dengan ciri dan sifat kewanita.

Hal ini penting bagi menegak- kan berakunya keclaruan identiti yang terbekaya kelak.

Amat penting diberikan penjelasan di- ar anak lelaki, mereka perlu diberi pengetahuan tentang proses bulugh yang berlaku kepada mereka lalu ihtilam sekitar usia 12 hingga 16 tahun, sementara anak perempuan wajar diberi maklumat serta pemahaman tentang darah haid, pengajutan manual diri dan kesuciannya.

Anak-anak dijar cara bersuci dengan mandi hadas dengan praktikal yang betul dan memahami ketuntan syarak daripada proses berkenaan.

Dalam hal ini, lebih baik jika bagi memberi turjak ajar dan bimbingan kepada anak lelaki, manakala ibu kepada anak perempuan bagi menjaga adab dan sifat malu.

Ternasuk dalam pendidikan seksual juga penanaman terhadap batasan aurat yang boleh dimulakan dengan etika berpakaian bagi seorang Muslim, supaya tidak berpakaian menjolok mata dan mengikut fesyen bertentangan kehendak Islam.

Pembentukan identiti berdasar jantina harus dimulakan sejak kecil, di mana anak lelaki ditamakkan jika ke- lakian serta anak perempuan dengan ciri dan sifat kewanita.

Hal ini penting bagi menegak- kan berakunya keclaruan identiti yang terbekaya kelak.

info

Peringkat usia dalam pendidikan seksualiti anak 2 hingga 6 tahun

- Menjaga tabahat.
- Menggunakan air mazlak.
- Periti, laurafat malu dan batas aurat.
- Pengadangan bilik tidur anak lelaki dan perempuan.

7 hingga 10 tahun (usia tamyiz)

- Minta izin.
- Menjaga pandangan batas penglihatan.

10 hingga 14 tahun (usia murabahah)

- Tahu tentang nafsu dan cara mengendalikannya.
- Dijelaskan daripada sebarang unsur yang boleh merangsang kemaksiatan seksual.

14 hingga 16 tahun (usia bulugh)

- Dijar dan pengendalian hubungan seksual dan bersamaya

16 tahun ke atas

- Cenderung menepunya pasangan bilik.
- Peranakan adab menjaga keormatannya diri jika belum mampu berfikir.
- Berdikangan seks belaka hanya selepas pernikahan.

Sumber: Dr Abdullah Nashi 'Umar

Artikel Akhbar - Berita Harian

26 September 2021

Sumber Artikel : Nazri Abu Bakar
Pusat Sumber, UiTMCM

Didik generasi milenial kesedaran isu halal, haram



Pensyarah Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan, Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Melaka

Oleh Dr Hainurragma Rahim

Dalam keadaan dunia semasa ini kehidupan, kita dihadapkan pelbagai makanan, minuman dan bahan keperluan untuk kegiatan sehari-hari.

Sebagai pengguna Muslim, kita dikehendaki berkesedaran mengenai penggunaan barangan tersebut mengambil kira kepentingan soal halal dan haram. Ini kerana ramuan yang halal menjadi keutamaan setiap Muslim.

Allah SWT berfirman mengenai makanan dan minuman yang halal dan haram. "Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik; dan janganlah kamu ikut jejak langkaif syaitan kerana sesungguhnya ayatnya itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu." (Surah al-Baqarah, ayat 168).

Dalam konteks makanan, isu halal

semakin mendapat tempat di media cetak mahupun elektronik. Pendedahan diterangkan media mengenai isu halal seperti keraguan pada logo halal, selain penggunaan logo halal palsu mahupun tidak dikirif di premis makanan.

Isu penggunaan ayat al-Quran di premis makanan milik bukan Muslim juga menarik perhatian ramai dan menjadi bahan perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat Islam.

Jaminkan gaya hidup sihat

Hakikatnya, halal isu teramat penting dalam membantu memelihara kesucian akhlak setiap individu Muslim.

Dalam konteks Malaysia, generasi milenial atau generasi Y dikatakan mempunyai pengaruh kuasa beli tinggi, dek kerana ditunjukkan mereka yang dikatakan amat mempedulikan jaminan kualiti, gaya hidup sihat dan tidak gemarkan ketidaktahuan dalam pemilihan. Memiliki pemikiran, sifat, tingkah

laku dan penilaian berbeza berbanding generasi lain terhadap sesebuah perkara, memperlihatkan generasi ini berperanan penting dalam industri makanan.

Laporan Global Islamic Economic Report meramalkan generasi milenial akan menguasai sebahagian besar populasi dunia menjelang 2060, manakala populasi Muslim dijangka meningkat saban tahun sehingga mencecah 3 bilion, sekali gus menyumbang peningkatan permintaan produk dan perkhidmatan halal di Malaysia.

Laporan sama meramalkan kadar perbelanjaan pengguna Muslim terhadap makanan dan minuman kini iaitu AS\$1.37 trilion (RM5.73 trilion), bakal mencecah AS\$1.9 trilion (RM7.95 trilion) menjelang 2023.

Umumnya, sikap sering menjadi kayu ukur dalam memilih faktor yang mempengaruhi pengguna dalam aspek pemilihan makanan. Namun ternyata, sikap pengguna generasi milenial terhadap keperluan pemilihan makanan masih samar dan tidak jelas.

Pengaruh media sosial

Tidak mustahil dikatakan pengaruh luar terutamanya diperkukuhkan 'influencer' media sosial sedikit sebanyak mempengaruhi sikap pengguna dalam aspek pemilihan.

Sebagai Muslim sejati, sudah semestinya penekanan mengutamakan makanan halal dan thyggy penting.

Rasulullah SAW ada bersabda maksudnya: "Sesungguhnya yang halal

itu terang (jelas), dan yang haram itu terang; dan di antara keduanya pula terdapat perkara-perkara yang syubhat (yang tidak terang halal atau haramnya) yang tidak diketahui oleh manusia. Orang yang memelihara dirinya daripada perkara syubhat itu adalah seperti orang yang melindungi agamanya dan kehidupannya dirinya.

Orang yang tergelincir ke dalam perkara syubhat akan masuk ke dalam perkara yang haram lakasna seorang pengembara di pinggir-sebuah tempat larangan, yang akhirnya halal dan masuk ke dalam tempat larangan itu. Adapun bagi setiap raja ada sebuah kawasan larangan dan tempat larang Allah itu adalah segala yang diharamkan. Ketahuilah pada setiap jasad itu sekotrol dupgrr jika ia baik, baiklah seluruh jasad itu dan sekiranya ia rosak maka rosaklah seluruh jasad itu. Halal hati." (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Konflik kekeluargaan dan keraguan mengenai status halal dapat dihindari jika mengutamakan produk yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah, kerana ia menjamin halal dan thyggy lain suai, bersih dan selamat serta mengikut garis panduan, standard serta perundangan berkaitan halal yang ditetapkan di negara ini.

Oleh itu, dengan rasa tanggungjawab kepada agama, generasi milenial Muslim seharusnya berfikir-bertambah memfokuskan pemilihan makanan dan lebih berkesedaran apabila membeli dalam talian, dengan memastikan status halal produk tersebut dahulu.

Halal penting dalam membantu memelihara kesucian akhlak setiap Muslim. (gambar hiasan)



Artikel Akhbar - Berita Harian
26 September 2021

Sumber Artikel : Dr.Hainurragma Rahim
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM



TIADA guna kita mempunyai banyak bangunan pencakar langit yang melambungkan kemajuan ekonomi jika tahap keilmuan warganet masih biasa-biasa sahaja. - AFP

Warganet Malaysia 'buta' ekonomi?

SAUDARA PENGARANG,

PADA 2 September lalu, dunia maya tanah air kecoh ekoran hantaran tular oleh beberapa warganet yang cuba tunjuk pandai, namun akhirnya memakan diri mereka sendiri. Ia berikutan ciapan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam bahasa Inggeris melalui akaun Twitter yang mengesahkan penetapan harga siling kit ujian Covid-19. Bagaimanapun, ejaan *ceiling* yang bermaksud siling dalam ciapan itu diperbetulkan pula oleh warganet kononnya sebagai salah dengan mereka pula menjeja sebagai *seeling* atau *jualan*.

Silap faham ejaan oleh warganet ini - bagaimanapun mengandungi kritikan ramai pengguna media sosial lain kerana apa yang dieja Khairy itu memang betul kerana ia adalah istilah ekonomi yang merujuk kepada harga burang paling tinggi boleh dikenakan oleh penjual kepada pembeli.

Mungkin ada yang menganggap kekecohkan itu adalah isu remeh tetapi sebenarnya memberi bayangan tentang tahap celik ekonomi masyarakat kita.

Literasi ekonomi ini bermaksud masyarakat mempunyai pengetahuan asas dalam bidang ekonomi dan mampu menggunakan pengetahuan tersebut untuk membuat keputusan terutamanya dalam mengelola sumber dengan baik dan cekap.

Jikalau terma-terma asas dalam ekonomi pun masih asing, bagaimana kita mahu mendidik orang ramai menggunakan sumber ekonomi yang terhad ini dengan baik? Masyarakat yang bijak memilih dan mengetahui perbezaan antara keperluan dan kehendak.

Perkara lebih besar, celik ekonomi perlu ditingkatkan dalam kalangan masyarakat supaya mereka dapat menghayati usaha kerajaan, memahami pelaksanaan polisi sekali gus membantu pemerintah mencapai objektif dasar yang telah ditetapkan.

Misalnya pelaksanaan harga siling, masyarakat perlu tahu tujuan, kumpulan yang menerima manfaat dan kemungkinan-kemungkinan bakal berlaku. Pengetahuan ini akan melahirkan masyarakat yang faham sekali gus menyokong usaha kerajaan.

Kita mahu masyarakat yang lebih kritis dalam mengolah konsep-konsep ekonomi. Misalnya, mereka tidak hanya mentafsirkan penganggur itu individu yang tidak bekerja. Tetapi maksud penganggur sebenar adalah individu yang tidak bekerja tetapi sedang aktif mencari pekerjaan.

Mereka juga tidak hanya mentakrifkan inflasi itu hanya situasi kenaikan harga tetapi kenaikan harga secara berterusan dengan mengetahui alat pengukurannya, jenis dan impak.

Sebenarnya ketukan papan kekunci oleh warganet boleh mempengaruhi dan memberi input dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan khususnya bab ekonomi.

Jadi, kita memerlukan warganet yang lebih bijak di mana kritikan daripada mereka lebih berorientasikan manfaat yakni memberi solusi, bukanlah sekadar mencari kesalahan.

Usaha meningkatkan literasi ekonomi ini perlu menyeluruh, bermula dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa.

Rak literasi ekonomi ini perlu bermula dari awal kerana ia adalah persediaan kepada golongan yang masih muda menguruskan diri dan kehidupan sosial mereka sebagai masyarakat.

Sebagaimana kita menekankan kepentingan pelajaran sains di peringkat sekolah rendah, pelajaran ekonomi juga perlu dititikberatkan. Ini kerana ekonomi adalah berkaitan tingkah laku manusia untuk mendapat dan mengelola sumber yang terhad di sekeliling mereka dengan bijak.

HAZALINDA HARUN
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia

28 September 2021

Sumber Artikel : Hazalinda Harun
Fakulti Pengurusan Pemiagaan, UiTMCM



BERNAMA.COM

Cross Collaboration Key To Reviving Domestic, Healthcare Tourism

TAGS: COVID-19, tourism, healthcare tourism, MHTC.

Artikel Akhbar - Berita Harian

30 September 2021

Sumber Artikel : Ahmad Khairuman Md Hasim
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan,
UiTMCM

Gaya hidup mewah 'musuh' simpanan

Ummi Kalsum Hassan, Penyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka

Dunia kini mengalami pelbagai situasi genting akibat kesan pandemik dan tidak kurang penting, dalam soal kewangan diri. Masalah kewangan lebih meruncing apabila tidak mempunyai tabungan atau simpanan mencukupi.

Bank Negara melaporkan 75 peratus rakyat negara ini tidak mempunyai simpanan RM1,000. Ia satu isyarat tidak sihat.

Kegagalan mengenal pasti keperluan dan kehendak adalah punca masalah ini. Kita terlahut alpa serta seronok berbelanja di luar kemampuan diri. Ramai tidak mahu mengorbankan gaya hidup dan terlalu suka kehidupan serba mewah.

Fenomena gaya hidup mewah musuh utama negara kita kurang atau gagal menyimpan. Jika dilihat cara menggunakan kewangan dan kehendak, kita selatunya menggunakan serta melebihi kehendak diri.

Contohnya apabila hendak makan, memilih makanan mewah di tempat terkenal sedangkan kewangan dan simpanan ketika itu amat terhad. Selain makan minum, kita cenderung memilih kenderaan, peralatan digital, pakaian, percutian serta aksesori serba mewah.

Punca utama pemilihan gaya hidup serba mewah ini disebabkan trend untuk kelihatan hebat di media sosial, membentukkan kejayaan diri, mencipta personaliti, ingin menarik perhatian dan pelbagai sebab.

Kajian Pemantauan Ekonomi Malaysia menunjukkan 60 peratus orang muda berusia antara 25 hingga 44 tahun adalah individu mudis berikhtibat tabiat berbelanja melebihi pendapatan.

Hari ini, cara dan corak perbelanjaan kita berubah drastik. Konsekuensi sedia ada tidak kekal lama jika simpanan tidak mencukupi, sekali gus mengundang gangguan emosi.

Kehidupan mewah memberi kesan amat mendalam, terutama dari sudut emosi apabila kita biasa mengamirkan kehidupan mewah, malah seronok dengan pujaan terhadap gaya hidup ditonjolkan.

Kini, kita melalui satu fasa amat sukar dalam kehidupan. Pengalaman pandemik sepatutnya menjadi titik perubahan sikap terhadap kewangan, terutama tabiat menyimpan.

Masyarakat perlu otik kewangan dan bijak menguruskan perbelanjaan. Isu simpanan bukan baharu dibincangkan. Pihak-pihak memberi kesedaran pentingnya simpanan terutama jika berlaku kecemasan.

Kita sedia maklum, simpanan bukan hanya penting bagi tujuan kecemasan, bahkan untuk kelangsungan hidup jika kehilangan pekerjaan, membalas jasa ibu bapa, membantu ahli keluarga memerlukan, persediaan hari tua dan tujuan pelaburan, membeli hartanah atau persediaan perkahwinan. Malah, simpanan juga memberi ketenangan kepada fikiran.

Jagalah, keinginan gaya hidup mewah bukan kesalahan, namun perkara perlu dipertimbangkan adalah kemampuan dari sudut kewangan.

Pengalaman pandemik sepatutnya menjadi titik perubahan sikap terhadap kewangan, terutama tabiat menyimpan. (Foto hiasan)

Artikel Akhbar - Bernama

29 September 2021

Sumber Artikel : Ummi Kalsum Hassan
Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTMCM

Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 772785 804005